



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
JABATAN PERTANIAN

**TEKS UCAPAN PERASMIAN
YB DATUK SERI HAJI MOHAMAD BIN SABU
MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN**

**SEMPENA
MAJLIS PERASMIAN PENUTUP
SEMINAR PENGEMBANGAN AGROMAKANAN SUBSEKTOR
TANAMAN JABATAN PERTANIAN TAHUN 2025**

**10 JULAI 2025 | KHAMIS
HOTEL KSL ESPLANADE, KLANG, SELANGOR**

1. **Pertama sekali**, marilah kita panjatkan kesyukuran kepada Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnianya-Nya, kita semua dapat berkumpul pada hari ini dalam satu majlis yang penuh bermakna iaitu Majlis Penutupan Seminar Pengembangan Agromakanan Subsektor Tanaman Tahun 2025.
2. Terima kasih saya ucapkan kepada Jabatan Pertanian atas jemputan dan usaha penganjuran seminar ini. Saya cukup berbesar hati dapat bersama-sama tuan-tuan dan puan-puan sekalian, yang saya anggap sebagai insan-insan hebat yang menjadi tulang belakang kepada keselamatan dan keterjaminan makanan negara.

Saudara-saudari sekalian,

3. Kita semua tahu, sektor agromakanan bukan hanya soal ekonomi. Ia soal kelangsungan hidup. Soal yang berkaitan dengan perut rakyat dan juga soal masa depan negara. Oleh itu, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) akan sentiasa komited untuk memastikan sektor ini terus berkembang dengan subur dan mampan.
4. Alhamdulillah, pada suku pertama tahun ini saja, sektor agromakanan telah menyumbang **RM45.5 bilion** kepada KDNK negara iaitu bersamaan dengan kadar 11 peratus KDNK negara.
5. Daripada jumlah itu, subsektor tanaman, ternakan dan perikanan menyumbang sebanyak RM13.8 bilion, subsektor makanan dan minuman sebanyak RM9.7 bilion manakala subsektor perkhidmatan makanan sebanyak RM22.1 bilion. Walaupun angka ini masih belum memadai tetapi ianya menjadi bukti kepada usaha dan kerja kuat kita semua.

Hadirin yang dihormati sekalian,

6. Tema seminar kita pada tahun ini, **"Teknologi dan Inovasi, Pemacu Pertanian Lestari"** adalah bertepatan dengan misi dan visi KPKM. Dalam dunia hari ini, kalau kita tak mengikuti dan menggunakan teknologi terkini, kita akan tertinggal. Justeru, teknologi bukan lagi satu pilihan tetapi dah menjadi satu keperluan.
7. Oleh yang demikian, melalui **Dasar Agromakanan Negara 2.0**, KPKM amat mengalakkan penggunaan automasi, pertanian pintar, dron, penderiaan jauh, IoT dan kecerdasan buatan (AI). Kesemua teknologi ini boleh membantu kita menghasilkan lebih banyak makanan, lebih menjimatkan dan mesra alam sekitar. Yang lebih penting adalah melalui penggunaan teknologi ini, lebih ramai anak muda dan para belia akan berminat untuk menceburi bidang pertanian secara sepenuh masa.

Hadirin sekalian,

8. Saya yakin seminar ini telah menjadi platform yang penting untuk KPKM melalui Jabatan Pertanian berkongsikan maklumat insentif, pembiayaan dan peluang teknologi yang boleh dimanfaatkan oleh pengusaha tanaman.
9. Sepanjang RMK Ke-12, Jabatan Pertanian telah melaksana 12 projek insentif, melibatkan lebih **64,000 petani**, dengan jumlah peruntukan melebihi **RM238 juta**.
10. Bagi usahawan pertanian pula, KPKM telah menyediakan **RM22 juta**, melalui program seperti Agropreneur Muda, Geran padanan *Change Upgrade Project* dan *High Impact Project*. Ini termasuk projek agropelancongan dan pembangunan produk, penjenamaan.
11. Dalam mengalakkan pelaburan pula, KPKM menyediakan **Insentif Cukai Galakan** di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967. Sehingga ini, lebih 260 syarikat telah diluluskan dengan nilai pelaburan hampir **RM2 bilion**.

12. Baru-baru ini, Kerajaan telah mengumumkan perluasan **SST ke atas buah-buahan import**. Ada yang bertanya — kenapa ianya dikenakan? Jawapannya adalah: sudah tiba masanya Kerajaan memberi ruang dan nafas kepada buah-buahan tempatan. Kita nak petani kita bangkit dan jadi juara di tanah sendiri.
13. Lihatlah bagaimana negara besar seperti Amerika Syarikat pun, terpaksa mengenakan tarif yang tinggi ke atas negara kita bagi melindungi ekonomi negara mereka. Bagi negara berteraskan perdagangan seperti Malaysia, langkah perluasan SST ini adalah usaha awal kita untuk meningkatkan lagi daya tahan ekonomi negara.
14. Kerajaan melalui KPKM juga sedang memperkemaskan undang-undang berkaitan benih. Kita nak pastikan benih yang dijual nanti adalah terjamin tulen, berkualiti dan boleh dikesan. Kita tak mahu ada lagi petani yang tertipu atau rugi kerana membeli benih palsu atau benih yang tidak berkualiti. Walaupun ada petani yang membangkitkan berkenaan undang-undang benih ini, yakinlah bahawa perubahan ini dilaksanakan bukan untuk menekan petani, tetapi untuk melindungi dan menjaga kepentingan petani sepertimana usaha KPKM selama ini.

Hadirin yang dihormati,

15. Saya berbangga dengan usaha Jabatan Pertanian membangunkan **e-AgroLaporan** yang diintegrasikan dalam **Sistem GeoTanaman**. Ini adalah langkah penting negara ke arah digitalisasi sektor pertanian. Kita tak boleh lagi guna cara lama untuk hadapi cabaran baru. Data yang tepat dan *real-time* akan dapat membantu kita untuk membuat dasar yang lebih tepat dan berkesan.

16. Justeru, saya ingin juga menyeru semua petani untuk segera **mendaftar dalam Sistem GeoTanaman**. Jangan bimbang. Kita ada lebih 500 pegawai di seluruh daerah yang boleh membantu tuan-puan semua untuk menggunakan sistem ini. Jadi, manfaatkanlah kepakaran mereka itu.
17. **Akhir kata**, saya ingin mengucapkan **tahniah kepada semua penerima anugerah** pada hari ini. Tahniah dan terima kasih saya ucapkan di atas segala usaha yang telah dicurahkan untuk memperkukuhkan lagi sektor keterjaminan makanan negara. Kepada yang tidak menerima anugerah, teruskanlah usaha, teruskan semangat! Saya yakin pada tahun hadapan, tuan-puan pula yang akan naik ke pentas. InsyaAllah.
18. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk **menjemput semua hadirin hadir ke HPPNK 2025**, yang akan berlangsung dari 1 hingga 3 Ogos di Sabah International Convention Centre, Kota Kinabalu. Sama-samalah kita ke Sabah nanti untuk memeriahkan lagi acara HPPNK 2025.
19. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya **merasmikan Majlis Penutupan Seminar Pengembangan Agromakanan Subsektor Tanaman Tahun 2025**.
20. **Sekian, Wabillahi taufik wal hidayah. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.**